

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 19 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                            | <b>Akhbar</b>     |
|------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.         | Ibu Timbalan Menteri meninggal                                          | Harian Metro      |
| 2.         | KPDNKK pastikan produk tempatan, import ada piawaian sebelum dipasarkan | BERNAMA           |
| 3.         | Firemen work around the clock evacuating Kota Marudu villagers          | New Straits Times |

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 44**  
**TARIKH: 19 JANUARI 2016 (KHAMIS)**

**Ibu timbalan menteri meninggal dunia**

Ibu kepada **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** meninggal dunia, semalam.

Allahyarham Salbiah Abdullah, 75, menghembuskan nafas terakhir akibat sakit tua di rumah keluarganya di Jalan Haji Hashim, Pantai Rombang, Tanjung Kling, di sini, kira-kira jam 1 tengah hari.

Abu Bakar yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu berkata, jenazah ibunya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit Darat



**IDRIS (empat dari kiri) menziarahi jenazah ibu Dr Abu Bakar.**

selepas solat Asar.

Yang di-Pertua Negeri Tun Mohd Khalil Yaakob dan Ketua Menteri Datuk

Seri Idris Haron antara orang kenamaan yang hadir menziarahi jenazah Allahyarham.



## KPDNKK Pastikan Produk Tempatan, Import Ada Piawaian Sebelum Dipasarkan

PUTRAJAYA, 18 Jan (Bernama) -- Pelbagai barangan tempatan dan import seperti alat permainan kanak-kanak, bateri telefon, powerbank dan tayar celup perlu mematuhi piawaian sebelum dibenarkan dijual di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Standard dan Keselamatan Barang-Barang Pengguna bagi menjamin keselamatan pengguna yang menggunakan barangan berkenaan.

Beliau berkata selain Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), mesyuarat itu turut disertai Kementerian Kesihatan, **Jabatan Standard, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan SIRIM Bhd.**

"Tahun ini, KPDNKK akan perhatikan semula produk-produk yang telah dikenal pasti supaya dapat diluluskan oleh Jawatankuasa berkenaan sebelum dipasarkan.

"Kalau satu barang diimport, maka peniaga perlu mendapatkan kelulusan piawaian daripada jawatankuasa bahawa barang ini sesuai dijual. Mereka perlu bawa sampel dan kita lakukan pemeriksaan agar ia tidak lari daripada standard keselamatan," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Hamzah berkata langkah itu perlu dilaksanakan susulan beberapa insiden powerbank meletup di Pulau Pinang dan Seremban sehingga menyebabkan kebakaran kecil pada Mac dan April lepas.

"Jawatankuasa ini telah berjumpa beberapa kali tetapi piawaian belum dikeluarkan lagi. Ini bukan perkara yang mudah... piawaian untuk bateri sudah ada tetapi kita perlu lakukan pemeriksaan.

"Pemeriksaan satu bateri akan mengambil masa enam bulan dan sebaik sahaja selesai, kita akan umumkan keputusan piawaian satu per satu. Kita tidak mahu tunggu selesai periksa semua barang, baru nak umum," katanya.

Menurutnya jawatankuasa itu juga akan mengumumkan tindakan undang-undang yang bakal dikenakan sekiranya ada pihak yang melanggar piawaian itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (FLOODS) : MUKA SURAT 10**  
**TARIKH : 19 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

**FLOODS**

## Firemen work around the clock evacuating Kota Marudu villagers

**KOTA MARUDU:** Continuous rain since Tuesday night inundated 17 villages in the district and several areas in Sandakan.

Kota Marudu Fire and Rescue Department chief Ronnie Roger said 28 personnel from here, Kudat, Ranau and Kota Kinabalu were deployed to affected areas in the wee hours for rescue purposes.

"Our boats, which are meant for operation at the sea, cannot be used as the river here is

narrow. Some of the personnel had to piggyback villagers, especially young children and senior citizens, during the evacuation."

He said floodwaters depending on the affected low-lying areas was either at knee- or waist-level.

At press time, Ronnie said the rescue operation was still ongoing. As of 6pm, 2,784 people from 851 families affected by floods had been evacuated to 11 relief centres.

State Civil Defence Force director Colonel Muliadi Al-Hamdi said floods had affected 17 villages as of noon yesterday, compared with 13 on Tuesday night.

The Meteorology Department had warned of continuous moderate rain to persist at the west coast of Sabah, Kudat and Sandakan.

Water level at Sungai Bangon was at 8m as of 4pm, compared with 8.25m at noon but is still at the dangerous level.

Power supply was interrupted affecting 1,500 people from 55 villages here.

Sabah Electricity Sdn Bhd, in a statement, said floodwaters had entered the substation yesterday morning and had to be shut down



A fireman evacuating a child in Kota Marudu yesterday. PIC COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

for safety reason. Twenty-one primary schools and a secondary school were closed, affecting 6,627 students and 605 teachers.

In Sandakan, 16 houses involving 60 villagers were affected but no evacuation was reported.

Two roads — Jalan Sungai Memanjang and Jalan Pamol — were submerged under 1m of floodwaters.

In Kuala Terengganu, the Fire and Rescue Department is prepared for action should floods hit Terengganu again following the yellow alert issued by the Meteorological Department on Tuesday.

State Fire and Rescue Department director Azlimin Mat Noor said leave for staff had been frozen starting yesterday.